

Kalau roboh Kota Famosa



NORDEN MOHAMED

Tidak lama lagi kita akan menyambut ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-65. Merdeka dari sudut makna menurut Kamus Dewan adalah bebasnya negara daripada penjajahan, kurungan, naungan dan lepas daripada tebusan serta tuntutan. Merdeka juga bererti berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain.

Apakah kita sudah merdeka dalam erti kata merdeka sepenuhnya? Belum. Malah, kita tidak akan merdeka sepenuhnya. Begitu juga mana-mana negara di dunia ini. Ini adalah kerana semua negara saling mempengaruhi kerana saling bergantung walaupun atas nama persahabatan.

Semua negara yang dikatakan merdeka pun mempunyai pelbagai perjanjian yang mengikat antara satu sama lain dari segi ketenteraan, ekonomi, undang-undang, kesihatan, kewangan, sumber alam serta pendidikan. Justeru, merdeka

yang diperoleh oleh negara-negara di dunia ini termasuk Malaysia hanyalah kemerdekaan dari sudut ketuanan politik. Itu sahaja.

Oleh kerana lamanya kita dijajah, maka kita berasa sayang dan akan berasa kehilangan sekiranya kita membuang dan memadam apa jua kesan sejarah yang menunjukkan kita pernah dijajah. Entah mengapa kita perlu berasa nostalgik dengan mereka yang menakluki kita. Sebab itulah kita masih mengekalkan nama-nama bangunan, sekolah, jalan, bangunan serta tugu yang mempunyai nama penjajah.

Untuk apa kita masih kekalkan nama-nama seperti Hugh Clifford, King Edward, Convent, Methodist, Fort Cornwallis dan Frank Swettenham? Untuk apa dikekalkan patung Francis Light? Buat apa diselenggara Kota Famosa sebagai tempat berfoto kenangan sebagai tanda kita ke Melaka? Bukankah lebih baik Kota Famosa itu diganti dengan Kota Melaka? Agaknya, jika sampai papan dari Jawa, Kota Famosa dah lama menjadi debu!

Tentu sekali kapal *Flor De Lama* sepatutnya diganti dengan replika kapal *Mendam Berahi* iaitu kapal terbesar dibina oleh pakar teknologi pelayaran Melaka. Biar rakyat berasa bangga masuk ke dalam kapal gergasi itu, bukan

berasah masuk ke dalam kapal penjajah. Ia menghabiskan perasaan bangga pada benda yang tidak sepatutnya.

Apa yang penting, kita tidak perlu lagi ingat mengenai sejarah hitam negara sebab hidup dijajah merupakan zaman gelap kita semua. Buat apa dikenang-kenang? Kalau pun diingat-ingat, untuk apa pula? Kita sebagai individu pun tidak mahu kenang-kenang lagi zaman pahit peribadi, apatah lagi menceritakannya kepada anak cucu. Perbuatan itu akan membuat kita berasa sedih. Selagi kita sedih, itu bererti kita masih belum melupakan daripada kenangan lalu!

Justeru itu, selagi segala nama-nama dan binaan-binaan penjajah dikekalkan, maknanya kita masih mahu menyimpan kenangan ketuanan politik hingga ia berakar di minda sampai ke hari ini. Kesannya telah menjadikan kita menormalisasikan mentaliti jiwa orang dijajah.

Pendidikan juga membawa pengaruh fikiran dan perbuatan luar masuk ke dalam negara ini. Mereka yang mendapat pendidikan di luar negara membawa pulang pemikiran tempat mereka belajar. Mereka yang belajar di Barat, negara-negara Timur Tengah dan juga Timur Jauh, membawa pulang pemikiran dan tindakan ini.

Apabila masing-masing membawa gaya pemikiran tempat mereka belajar,

mulalah wujud kluster-kluster pemikiran yang tidak dapat disatukan sebagai pemikiran Malaysia. Kita tidak berasa apa-apa dan menganggap ia biasa kerana kita semua menerima ia sebagai sesuatu yang dihadapi oleh semua warga negara-negara lain. Apa pentingnya mempunyai pemikiran dan tindakan cara Malaysia?

Ia penting kerana pemikiran yang sealiran akan menyatukan tindakan. Ditambah pula pemikiran dan tindakan kita bercampur-baur seperti lain-lain rakyat di dunia, kita menjadikan kita menganut *herd mentality*.

Kita ikut apa yang dunia mahu, apa yang dunia terap dan apa yang dunia sumbat ke dalam pemikiran kita. Akibatnya, kita akan akui apa jua pengiktirafan dunia mengikut kaca mata mereka.

Kita ikut apa yang dunia kata kerana takut dikatakan cuba mengongkong kebebasan pemikiran dan bersuara rakyat.

Padahal, dengan mengekang pemikiran luar dan tidak mengukur baju pada tubuh orang lain, kita akan punyai identiti sendiri; sedangkan kebebasan untuk berfikir dan bertindak mengikut fikiran sendiri itulah merdeka sebenarnya.

* Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian

Kesaktian TikTok



DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Sehingga dua tiga tahun lepas TikTok sering dianggap sebagai melalaikan, merosakkan moral, membuang masa, menyebabkan ketagihan dan pelbagai lagi yang pada penghujungnya boleh dirumuskan dengan dua perkataan: tidak berfaedah. Selain itu ia juga kerap dikaitkan dengan budak-budak dan orang muda-muda.

Kerana tanggapan itu kebanyakan kita, yang agak berumur terutamanya, tidak berani melayari TikTok apatah lagi memuat turun aplikasinya. Malu kalau handai taulan dan kawan rakan tahu.

Persepsi negatif itu bukan hanya berlegar dalam kalangan kita di sini, tetapi juga di seluruh dunia. Ia terutamanya didorong oleh bentuk kandungan TikTok yang pada peringkat awalnya dilihat sebagai 'merapu'. Disebabkan itu untuk suatu tempoh TikTok menjadi aplikasi gred bawah yang tidak mungkin mampu menyaingi Facebook, YouTube dan Instagram.

Tetapi tembok persepsi itu akhirnya

runtuh. Platform yang diasaskan oleh jurutera perisian dan usahawan muda internet, Zhang Yimin itu dinaik taraf dengan pelbagai bentuk dan cara, baik dari segi kandungan, kemudahan mengakses, aplikasi sokongan dan sebagainya sehingga ia akhirnya kian diterima termasuk oleh mereka yang dahulu menolaknya. Kini produk syarikat ByteDance itu menjadi saluran media sosial yang paling cepat berkembang bagi tahun 2022.

Walaupun berdasarkan data daripada sumber, sekarang ini TikTok dengan satu bilion pengguna menduduki tempat kelima dalam senarai media sosial paling popular, agak jauh di belakang Facebook (2.9 bilion) dan YouTube (2.2 bilion), namun dibandingkan dengan usianya yang masih muda, jelaslah angka satu bilion itu sangat besar. Sayugia dinyatakan bahawa TikTok diasaskan pada 2018 sedangkan Facebook 14 tahun lebih awal manakala YouTube pula pada tahun 2005.

Ada pendapat mengatakan TikTok akan mengambil alih kedudukan YouTube di tempat kedua sebagai pempengaruh pemasaran menjelang tahun 2024 dan selepas itu akan merampas kedudukan Facebook pula.

Kenapa TikTok begitu pantas berkembang? Jawapannya mudah iaitu kerana ia memudahkan pengguna. Dalam kegilaan manusia untuk meringkaskan hidup, perhatian dan tumpuan terhadap

sesuatu juga pendek jangka hayatnya. Orang cepat bosan pada sesuatu yang panjang dan meleret. Semuanya hendak cepat, bak kata peribahasa baharu 'belum turun pelamin sudah hendak masuk ke bilik'.

TikTok menyediakan jawapan untuk kehendak itu. Dengan menggunakan format video pendek interaktif, yang senang dimuat naik menjadikan pembuatan kandungan (*content*) menjadi mudah dan cepat. Selain itu TikTok mempromosi setiap kandungan seluas mungkin sekali gus menjadikan ia medium yang mudah mempopularkan seseorang. Semua ini menjadi sebab kenapa TikTok pantas mendapat tempat di hati pengguna.

Di YouTube mereka mungkin hanya mampu menonton empat atau lima video sehari – itupun jika tidak dileteri oleh emak bapa atau pasangan masing-masing. Sebaliknya di TikTok ada orang dilaporkan boleh menonton sehingga 200 video sehari.

Faktor lain yang tidak kurang pentingnya ialah kecerdasan buatan (AI) pada TikTok mempunyai keupayaan menaklukkan untuk 'membaca' diri anda. AI pada TikTok dikatakan boleh membaca apa yang pernah anda cari di peranti anda pada masa lampau, menggabungkannya dengan carian masa kini bagi menjangka carian berikutnya pada masa hadapan. Ini menjadikan anda

mudah 'berurusan' dengannya.

Walau bagaimanapun, keupayaan mengumpul dan membaca data ini menimbulkan kekhuatiran pada banyak kalangan.

Mereka bimbang TikTok akan menjadi pangkalan pengumpulan data, yang jika disalah guna oleh pihak tertentu boleh mencetuskan masalah besar kepada dunia.

Tidak kurang menariknya ialah pendapat yang mengatakan TikTok mungkin menjadi medium bagi China menebus kekalahan di tangan British dalam Perang Candu Pertama (1839-1842) dan Perang Candu Kedua (1856-1860).

Dulu British menggunakan candu untuk melemahkan China yang ketika itu di bawah Dinasti Qing, kini China pula menjadikan kecanduan kepada TikTok sebagai medium bukan sahaja untuk mengalahkan British tetapi juga menaklukkan dunia.

Kita bagaimana? Apa kata duit yang 'disedekahkan' kepada scammers itu kita kumpul dan kita pakat-pakat gunakan untuk membangunkan perisian yang boleh menaklukkan dunia juga. Mungkin kita boleh namakan ia sebagai KumKum...#dush!

* Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.